



**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**GARIS PANDUAN KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KENDERAAN DI
JABATAN KERJA RAYA**

**BAHAGIAN PENYELARASAN DAN KHIDMAT SOKONGAN
CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA**

TAKRIF

BIL	AKRONIM	CATATAN
1	KKR	KEMENTERIAN KERJA RAYA
2	JKR	JABATAN KERJA RAYA
3	KPKR	KETUA PENGARAH KERJA RAYA
4	TKPKR	TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA
5	PKJ	PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN
6	PPKJ	PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN
7	PKT	PEGAWAI KESELAMATAN TINGKAT
8	BPKS	BAHAGIAN PENYELARASAN DAN KHIDMAT SOKONGAN
9	BAKA	BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN
10	CDPK	CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Tujuan	3
2.	Latar Belakang	3
3.	Garis Panduan	4
	<ul style="list-style-type: none">• Peraturan Penggunaan Lot Parkir JKR• Prosedur Kehilangan atau Kerosakan Pelekat Kenderaan	
4.	Tarikh Kuat Kuasa dan Pemakaian	5
5.	Lampiran A	6



**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**GARIS PANDUAN KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KENDERAAN DI
JABATAN KERJA RAYA**

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk diguna pakai oleh Unit Bangunan dan Keselamatan, Bahagian Penyelarasan dan Khidmat Sokongan, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia bagi menerangkan kemudahan tempat letak kenderaan di Kompleks Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR).

2. LATAR BELAKANG

Garis Panduan Kemudahan Tempat Letak Kenderaan di JKR ini menjelaskan kaedah dan tatacara berhubung kemudahan tempat letak kenderaan di Kompleks Ibu Pejabat JKR Malaysia.

3. GARIS PANDUAN

JKR mempunyai ruang letak kenderaan di Blok A, B, C, D, E, F dan G

i. Ruang letak kenderaan di Blok A,B,C,D,E dan F adalah di bahu jalan meliputi parkir seperti berikut:-

- a) Lot Kenderaan Pegawai;
- b) Lot Motosikal Terbuka; dan
- c) Lot Pelawat Khas.

ii. Ruang letak kenderaan di Blok G meliputi parkir seperti berikut:-

- a) Lot Kenderaan Pengurusan Atasan (VIP);
- b) Lot Kenderaan Pegawai
- c) Lot Kenderaan Jabatan
- d) Lot Kenderaan Pelawat; dan
- e) Lot Motosikal.

PERATURAN PENGGUNAAN LOT PARKIR JKR

- (i) Pelekat kenderaan yang sah ialah pelekat yang dikeluarkan pada tahun semasa sahaja. Bagi mendapatkan pelekat kenderaan, pemilik kenderaan hendaklah melengkapkan Borang Permohonan Pelekat Kenderaan JKR dan dihantar ke Bahagian Penyelarasan dan Khidmat Sokongan (BPKS) Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat.
- (ii) Hanya kenderaan yang mempunyai pelekat kenderaan pada tahun semasa sahaja dibenarkan memasuki kawasan kompaun JKR;
- (iii) Pengawal Keselamatan diberi kuasa untuk menghalang kenderaan yang tidak mempunyai pelekat kenderaan pada tahun semasa daripada memasuki kompaun JKR.

- (iv) Pemilik kenderaan tidak dibenarkan untuk meletakkan kenderaan yang menghalang laluan utama atau membahayakan pemandu lain atau menghalang pintu kecemasan dan pintu utiliti atau meletakkan kenderaan di selekoh utama;
- (v) Pemilik kenderaan yang melakukan kesalahan tersebut boleh dikenakan tindakan tertakluk kepada budi bicara Ketua Jabatan/PKJ.

PROSEDUR KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN PELEKAT KENDERAAN

- (i) Pemilik hendaklah memaklumkan segera kepada pihak BPKS bagi mematikan pas berkenaan di dalam sistem agar ia tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu bagi kepentingan peribadi;
- (ii) Pemilik hendaklah membuat bayaran sebanyak RM30.00 dalam bentuk wang pos atas nama Ketua Akauntan KKR kepada pihak BKA(Unit Kewangan) sebagai denda kecuaiian sehingga menyebabkan pas tersebut hilang; dan
- (iii) Dokumen yang diperlukan untuk penggantian pas keselamatan tetap adalah seperti yang dipohon menerusi BPKS, CDPK.

4. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh garis panduan ini dikeluarkan dan perlu dibaca bersama dengan arahan atau peraturan lain berkaitan yang dikeluarkan pihak berkuasa dari semasa ke semasa. Garis panduan ini akan dikemas kini mengikut keperluan semasa demi kepentingan perkhidmatan.

**BAHAGIAN PENYELARASAN DAN KHIDMAT SOKONGAN
CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA**

DISEMBER 2020



PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

NAMA PENUH :

NO KAD PENGENALAN :

JAWATAN :

BAHAGIAN / CAWANGAN :

NO. TEL PEJABAT :

NO.TEL BIMBIT :

NO. KENDERAAN : Kereta: Motosikal :
(Sila tandakan / pada yang berkaitan)

TUJUAN MASUK :

saya mengaku butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar dan bersama-sama ini disertakan sesalinan hak milik kenderaan (geran) untuk kenderaan di atas (bagi permohonan baru)

Tarikh _____

Tandatangan Pemohon

Kepada KETUA BAHAGIAN
BAHAGIAN PENYELARASAN & KHIDMAT SOKONGAN
CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT

Saya menyokong / tidak menyokong permohonan ini

Tarikh: _____

.....
Tandatangan Ketua Bahagian/Cawangan & Cop Rasmi

peringatan Permohonan pelekat untuk dua (2) buah kenderaan sahaja (kereta dan motosikal) akan diberi percuma kepada setiap pegawai .

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Permohonan ini diluluskan / tidak diluluskan.

No. Siri Pelekat Kenderaan :

kereta :

motosikal :

.....
KETUA BAHAGIAN
BAHAGIAN PENYELARASAN &
KHIDMAT SOKONGAN
(CAWANGAN DASAR DAN
PENGURUSAN KORPORAT)